

Syor minta maaf kepada Salleh

Pemecatan bekas Ketua Hakim Negara memalukan pada mata dunia: Zaid

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Zaid Ibrahim, mencadangkan kerajaan memohon maaf kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, berhubung pemecatannya daripada jawatan itu pada 1988.

Zaid berkata, beliau akan mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya kerajaan memohon maaf kepada Salleh dan dua lagi hakim yang dipecat ketika itu.

"Saya tidak akan mencadangkan kes itu disemak semula. Perkara ini sudah 20 tahun berlalu dan saya rasa sudah sampai masanya kerajaan memohon maaf berhubung perkara itu kerana ia adalah sesuatu yang memalukan kita di mata dunia.

"Isu ini menjejaskan imej badan kehakiman, selepas itu ada isu kita ambil hakim yang tidak berkebolehan, yang ada tuduhan rasuah sehingga badan kehakiman kita lemah," katanya dalam wawancara dengan akhbar *News Straits Times* (NST).

Beliau yakin pentadbiran kerajaan sekarang cukup matang dan berani

untuk mengaku perkara itu serta memohon maaf kepada pihak terbabit bagi mengembalikan integriti badan kehakiman serta mendapat kepercayaan rakyat.

Pada 1988, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad menubuhkan tribunal khas untuk mendengar tuduhan salah laku terhadap Salleh selepas beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi melahirkan kekecewaan terhadap tuduhan yang dibuat Dr Mahathir terhadap sistem kehakiman.

Salleh dipecat kerana dakwaan salah laku berdasarkan cadangan daripada tribunal kehakiman yang ditubuhkan Yang di-Pertuan Agong.

Dua daripada lima hakim Mahkamah Agung, Tan Sri George Seah dan Allahyarham Tan Sri Wan Sulaiman Pawanteh, yang kemudian memutuskan tribunal itu tidak sah dari segi perlembagaan turut dipecat bersama Salleh.

Seah dan Wan Sulaiman didapati bersalah atas tuduhan salah laku oleh tribunal lain.

Pada 2006, Majlis Peguam pernah meminta semakan semula dilakukan terhadap kes itu.



MESRA: Zaid bersalam dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada majlis kesyukuran sempena pelantikan beliau sebagai menteri di rumahnya, di Kota Bharu.

Zaid berkata, sudah sampai masanya bagi kerajaan memulakan era baru bagi memulihkan semula imej badan kehakiman supaya mendapat

kembali kepercayaan rakyat.

"Sebagai menteri yang menjaga hal ehwal undang-undang, saya akan membuat beberapa perubahan ter-

masuk kaedah pelantikan dan kenaikan pangkat hakim yang memerlukan kajian semula bagi memastikan ia benar-benar bebas.